

Sektor korporat usah lupa tugas makmurkan masyarakat

UM 6 MAR 2002

KUALA LUMPUR 5 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sektor korporat tidak boleh melupakan tanggungjawabnya untuk memakmurkan masyarakat selain mengamalkan urus tadbir korporat yang baik.

Perdana Menteri berkata, tanpa masyarakat yang makmur, stabil dan mematuhi undang-undang, tidak mungkin syarikat-syarikat korporat dapat beroperasi, apatah lagi meraih keuntungan.

Menurutnya, masyarakat yang stabil pula hanya boleh dicapai jika majikan bertindak adil dan menghargai pekerjaannya dan tidak cuba mengaut keuntungan secara berlebihan.

“Saya gembira kerana syarikat-syarikat di Malaysia bertanggungjawab dan mengambil berat,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Anugerah Korporat Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di sini hari ini.

Public Bank dan Maybank terpilih menerima Anugerah Cemerlang BSKL bagi kategori Papan Utama manakala Computer System Adviser dan Globetronics Technology Bhd. menerima bagi kategori Papan Kedua.

Dr. Mahathir berkata, pada masa yang sama, urus tadbir korporat yang baik perlu terus dijadikan amalan kerana krisis kewangan baru-baru telah membuktikan pentingnya perkara tersebut.

“Kegagalan beberapa syarikat awam yang besar sewaktu krisis kewangan tahun 1997 dan 1998 membuktikan pentingnya urus tadbir korporat yang baik,” jelasnya.

Beliau menambah, mentaliti jutawan yang telah menyumbang kepada pertumbuhan mendadak beberapa syarikat tidak semestinya tidak baik tetapi mesti diiringi dengan urus tadbir yang baik.

Sehubungan itu, tegasnya, pengawasan terhadap pengurusan adalah penting termasuk menerusi audit dalaman dan audit berjadual oleh ahli lembaga pengarah dan akauntan profesional.

Dr. Mahathir berkata, perlu juga diingat bahawa pemilikan saham besar oleh pemilik tidak bermakna kepentingan pemegang saham minoriti dinafikan.

Eksklusif

Dalam hubungan itu, tegasnya, kerajaan berpendapat ia perlu mempunyai peranan dalam pasaran kerana kuasa yang eksklusif boleh mengakibatkan pasaran terdedah kepada penyelewengan.

“Kita dapat lihat perkara ini berlaku kepada LTCM (Long Term Capital Management) yang hampir membawa seluruh negara (Amerika Syarikat) kepada satu malapetaka.

“Baru-baru ini, terdapat pula kes Enron yang jelas menunjukkan berlaku penyelewengan akaun secara besar-besaran,” katanya.

Beliau berkata, walaupun dunia korporat mempunyai dewan-dewan perniagaan tetapi dengan jumlah ahli yang tinggi, agak mustahil untuk dewan perniagaan memantau dan menetapkan satu standard untuk ahli-ahlinya.

Justeru, tegas Perdana Menteri, adalah menjadi tugas kerajaan untuk menetapkan standard dan me-

entukan peraturan dan amalan dalam perniagaan.

“Kerajaan sedar syarikat-syarikat tidak boleh dikongkong dan akan cuba meminimumkan peraturan tersebut. Ini boleh dilakukan dengan kerjasama masyarakat perniagaan,” jelasnya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berharap syarikat-syarikat tempatan akan meneruskan sokongan terhadap pelbagai acara anjuran kerajaan walaupun ia dilihat tidak membawa keuntungan kepada syarikat korporat.

“Tetapi ia memberikan faedah kepada negara dan perniagaan di Malaysia. Ia membawa masuk pelancong dan penggemar sukan dan industri hotel akan mendapat keuntungannya,” katanya dengan memberi contoh perlumbaan Formula Satu dan Le Tour de Langkawi sebagai acara yang dimaksudkannya.

Selain itu, beliau mahu syarikat korporat membantu kerajaan mengekalkan keindahan dan kehijauan alam sekitar walaupun ia kadangkala menimbulkan konflik dengan perniagaan mereka.

Katanya, dengan sedikit usaha dan sumber kewangan, pencemaran sungai dan alam sekitar boleh dielakkan.

“Kita mahu seluruh Malaysia cantik dan indah. Walaupun tidak semua alam semula jadi indah tetapi kita boleh menjadikannya indah,” jelas beliau.